



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
(KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN)  
KENYATAAN SEBUTHARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal yang berkelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi bekalan berikut:

BUTIRAN SEBUTHARGA	TAKLIMAT SEBUTHARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
<b>SEBUT HARGA LPP (HQ) BIL. 01/2023</b>  <b>MEMBEKAL, MEMBUKA, MEMASANG DAN MENGUJIGUNA SERTA KERJA- KERJA BERKAITAN PENGANTIAN SISTEM AUDIO VISUAL DAN PENCAHAYAAN BAGI DEWAN TAN SRI ABU ZAHAR (ARAS 1) DAN AUDITORIUM TUN AHMAD SARJI (ARAS 2) DI MENARA LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG</b>	<b>4 Januari 2023 (Rabu) Jam 2.30 petang</b>  <b>Bilik Mesyuarat Tan Sri Dato' Haji Zainal Dahalan Aras 5 Menara Lembaga Pertubuhan Peladang No 20 Jalan Sultan Salahuddin 50480 Kuala Lumpur</b>	<b>010302 Peralatan Sistem Bunyi, Pembesar Suara dan Projektor</b>  <b>Atau</b>  <b>221304 Audio Visual</b>	<b>Percuma</b>	<b>10 Januari 2023 (Selasa)</b>

Pembekal yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebutharga seperti tarikh dan alamat di atas. Pembekal yang tidak hadir taklimat tidak akan dipertimbangkan dan semua surat menyurat berkaitan dengannya tidak akan dilayan. **Hanya Pemilik Syarikat / Penama yang dibenarkan menghadiri taklimat dan mengambil dokumen dengan mengemukakan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA Untuk Pengesahan. Wakil Syarikat TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat dan membeli dokumen. **Hanya pembekal yang sihat dan tidak bergejala boleh hadir menyertai taklimat dan had maksima pembekal terhad kepada 2 orang sahaja setiap syarikat.**

Dokumen sebutharga boleh diambil di alamat berikut pada waktu pejabat jam **9.00 pagi hingga 4.00 petang** mulai jam **12.00** tengahari pada **4 Januari 2023 (Rabu) hingga 10 Januari 2023 (Selasa)**.

**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
CAWANGAN PEROLEHAN, BAHAGIAN KEWANGAN  
ARAS 8B MENARA LPP, NO. 20, JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50480 KUALA LUMPUR (Tel: 03-26109600)**

Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil pembekal hendaklah membawa **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA.**

Dokumen sebutharga yang telah sempurna hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri yang mengandungi dokumen serta dicatatkan nombor sebutharga di sudut kiri atas sampul surat tersebut. Dokumen sebutharga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat seperti dinyatakan di atas **sebelum tarikh tutup yang dinyatakan di atas Jam 12.00 tengahari.** Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa sebutharga ditutup akan ditolak.

Lembaga Pertubuhan Peladang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh Iklan : 30 Disember 2022 (Jumaat)